KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN CAWANGAN KEDAH

# GURU KEDAH

128-C, Kompleks Alor Star, Lebuhraya Darul Aman, 05100 Alor Star, Kedah Darul Aman.
Tel: 04-731 1029, 04-734 0435, 04-441 4119(SP) Fax: 04-734 0716, 04-441 5118 (SP)
Email: kppkedah@streamyx.com, nutpkedah@gmail.com
www.nutpkedah.net

UNTUK AHLI KPPK SAHAJA JAN 2009

NASIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION KEDAH BRANCH



## NUTP TERUS BERJUANG ATAS ISU...

## SELAMAT TAHUN BARU & HAPPY CNY 2009

NUTP terus berjuang atas isu-isu yang berunsur ketidakadilan. Surat pekeliling No Ruj: KP.SULIT (NP) 0063/57/Jld.40/(10) bertarikh 26 Ogos 2008 mengenai Urusan Kenaikan Pangkat PPPS Gred DG41 Ke Gred DG44 Secara Time-based (KUP) Bagi PPLD Yang Telah Dilantik Sebagai PPPS Gred DG41. Sekali lagi KPM menafikan hak golongan guru-guru senior Gred DG44 yang sebelum ini juga merupakan guru bukan siswazah. Sebelum ini, mereka juga dinafikan 1 tangga kenaikan gaji, bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga. NUTP akan terus mendesak supaya faedah tersebut dipanjangkan kepada kumpulan guru PPLD DGA29/DG41 yang berada di DG44 untuk tujuan kenaikan pangkat secara time-based Ke DG48 secara one-off.

Sejak pelaksanaan Skim SSM, banyak anomali telah berlaku dan menyebabkan rasa ketidakpuasan hati meningkat di kalangan guru senior dan guru siswazah. Walaupun kita faham dalam setiap perubahan skim gaji, tentu sekali ada pihak yang untung atau "rugi". Namun begitu, perbezaannya seharusnya tidak terlalu ketara.

**KEMPEN KEANGGOTAAN KOPERASI KPPK BHD**

Merekrut seorang anggota baru akan diberikan saguhati RM10 mulai Jan 2009 kepada pencadang sahaja.

-*Pinjaman Tergempar RM6,000
(Tempoh bayaran balik 30 bulan)

-*Pinjaman Persendirian RM25,000
(Tempoh bayaran balik 72 bulan)

*Pinjaman Tanpa Penjamin

Ketidaksempurnaan ini umpama satu ketumbuhan yang berupaya bertukar bentuk menjadi barah. Jika tidak diubati segera, ia akan menghancurkan sistem pendidikan kita. Justeru, NUTP telah mengorak langkah dengan menyediakan satu skim gaji baharu iaitu Skim Gaji Bersepadu yang akan mengabungkan skim gaji siswazah dan bukan siswazah. Harapan kita adalah supaya skim ini dapat mengurangkan anomali tersebut dan seterusnya mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan.

Akhir kata, NUTP Cawangan Kedah ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Sdr. Mani Maran (Mantan Naib Pengerusi NUTP Kedah) yang telah meninggalkan kita pada12.9.2008. Jasamu Dikenang selama-lamanya.

**"Seorang Pejuang Kaum Guru Yang Sejati".**

'BERSATU KITA BERJAYA'

Yang ikhlas,

**WANG HENG SUAN, BKM**
SETIAUSAHA KEHORMAT NUTP KEDAH

# PENSTRUKTURAN TINGKATAN 6

## SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

1. Disahkan dalam perkhidmatan
2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
3. Lulus PTK yang ditetapkan dengan markah di Aras III atau Aras IV
4. Bebas daripada tindakan tatatertib
5. Lulus pengisytiharaan harta
6. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam Tegar Institusi Pendidikan
7. Lulus tapisan keutuhan Bahan Pencegah Rasuah (BPR); dan
8. Diperakukan oleh Ketua Jabatan

### Syarat Bagi Permohonan Jawatan Guru Akademik PPPS DG 52

1. Mempunyai opsyen mata pelajaran Tingkatan 6 atau pengalaman mengajar mata pelajaran tingkatan 6 tidak kurang dari 3 tahun.
2. Telah dinaikkan pangkat ke gred DG48; dan
3. Lulus PTK 4

### Syarat Bagi Permohonan Jawatan Penolong Kanan Gred DG48

1. Telah dinaikkan pangkat ke gred DG44
2. Mempunyai opsyen mata pelajaran Tingkatan 6 atau pengalaman mengajar mata pelajaran Tingkatan 6 tidak kurang dari 3 tahun
3. Keutamaan diberikan kepada Penolong Kanan Pentadbiran / PK HEM dan Penyelia Petang
4. Lulus PTK 3

### Syarat Bagi Permohonan Jawatan Guru Akademik / Ko-Kurikulum / Amali PPPS DG44

1. Berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun pada 1.1.2009 (dilantik pada atau sebelum1.1.2004)
2. Mempunyai opsyen mata pelajaran Tingkatan 6 atau pengalaman mengajar mata pelajaran tingkatan 6 tidak kurang dari 3 tahun
3. Lulus PTK 1 atau PTK 2

### Syarat Bagi Permohonan Jawatan Guru Akademik Gred PPPS DG44

1. Berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun pada 1.1.2009 (dilantik pada atau sebelum 1.1.2004)
2. Mempunyai opsyen mata pelajaran Tingkatan 6 atau pengalaman mengajar mata pelajaran tingkatan 6 tidak kurang dari 3 tahun
3. Lulus PTK 1 atau PTK 2

### Syarat Bagi Permohonan Jawatan Guru Akademik Gred PPPS DG48

1. Telah dinaikkan pangkat ke gred DG44
2. Mempunyai opsyen mata pelajaran Tingkatan 6 atau pengalaman mengajar mata pelajaran tingkatan 6 tidak kurang dari 3 tahun
3. Lulus PTK 3

# PERINTAH AM

## CUTI TANPA GAJI (CTG)

1. Seorang anggota perkhidmatan awam boleh pohon CTG had maksimum 360 hari.
2. Tidak boleh pohon dua kali dalam setahun.
3. Untuk genap setahun perkhidmatan,dia layak pohon cuti tanpa gaji sebanyak 30 hari.
4. Seorang anggota perkhidmatan awam yang ambil CTG tidak layak untuk menerima Bonus bulan itu.
5. Cuti Tanpa Gaji tidak diambilkira dalam kiraan ganjaran atau pencen.
6. Cuti rehat mesti dihabiskan sebelum seorang anggota perkhidmatan awam boleh memohon CTG
7. Cuti sakit juga tidak menjejaskan kiraan pencen, ganjaran , atau gantian cuti rehat (GCR) tetapi tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut.
   i. Cuti sakit 15 hari pertama boleh diambil di klinik Swasta tanpa pengesahan doktor kerajaan
   ii. Cuti sakit 90 hari berikutan perlu dapat kelulusan daripada Ketua Jabatan
   iii. Cuti sakit 90 hari selepas itu perlu kelulusan daripada Ketua Setiausaha Kerajaan

# PERKHIDMATAN

## SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL 8/2005 PELAKSANAAN BEKERJA LIMA HARI SEMINGGU

3.1 Sekolah-sekolah yang telah berjaya melaksanakan program pendidikan (akademik dan kokurikulum ) dalam masa lima (5) hari bekerja hendaklah meneruskannya; dan

3.2 Sekolah-sekolah yang menghadapi kesulitan untuk melaksanakan program pendidikan (akademik dan kokurikulum ) dalam masa lima (5) hari bekerja disebabkan faktor seperti, kekangan masa, ruang,kepakaran dan lain-lain sebab, boleh menggunakan hari Sabtu dengan syarat TIDAK melebihi dua kali Sabtu dalam sebulan.

## MAJLIS PERMUAFAKATAN KESATUAN GURU DAN KPM BERSEFAHAMAN BAHAWA SABTU PERTAMA DAN KETIGA ADALAH CUTI.

## GURU YANG TELAH BARU DILANTIK KE DG41 DAN MENERIMA LANTIKAN DGA32 KEMUDIAN BOLEH RAYU SUPAYA LANTIKAN DGA32 DIAWALKAN DENGAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN BERIKUT KEPADA SURUHANJAYA

1. Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap
2. Penyata Kewangan 8
3. Salinan surat siaran kenaikan pangkat
4. Surat pengesahan daripada majikan.

Rayuan mesti dibuat melalui Guru Besar / Pengetua dan sampai ke JPN.

## HADIAH KENAIKAN GAJI (HKG)

Siapa yang layak ?
Pada 1 Julai 2007 semua pegawai yang berada pada DG 41 dan dulu pernah berkhidmat sebagai PPPBS iaitu DGA29 / DGA32/DG6/C8/B8/B10 adalah layak menerima. Pastikan sekolah anda menguruskannya.

## LULUS PTK ARAS IV DAPAT ANJAKAN GAJI?

Pegawai hanya layak apabila mempunyai prestasi yang cemerlang dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan hanya dinikmati pada tahun berikutnya.

Contohnya PTK 2008, Anjakan Gaji pada tahun 2009

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN Bilangan 6 / 2006 tentang Tawaran opsyen Persaraan Wajib kepada 58 tahun

## PERMULAAN PEMBERIAN PENCEN BERKAITAN PERSARAAN PILIHAN

Bagi anggota yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 dan kemudiannya diluluskan persaraan pilihan, ganjaran dan pemberian wang tunai gantian cuti rehat (GCR) diberi ketika bersara tetapi pencen akan mula diberi apabila mencapai umur persaraan wajib yang terpakai baginya melalui pilihan atau lantikan, iaitu sama ada 55 tahun atau 56 tahun atau 58 tahun. Anggota yang dilantik sebelum 12 April 1991 yang bersara pilihan layak diberi pencen apabila mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki).

## INFO PENTING BERHUBUNG PENCEN

Seorang anggota perkhidmatan awam yang memilih persaraan awal sebelum 55 tahun dan layak menerima GCR, Pencen dan Ganjaran adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

**Pengiraan Pencen**

$$\frac{1}{600} \times \text{Jumlah bulan perkhidmatan} \times \text{Gaji Pokok Terakhir}$$

*Jumlah bulan perkhidmatan tertakluk kepada maksimum 360 bulan.

**Sidang Pengarang Guru Kedah**

Penasihat : Othman b Hamid, BKM
Pengarang : Wang Heng Suan, BKM
AJK : Mohd Fadzil B Md Isa
Ang Cheng Chooi, BKM, PJK
Pang Bee Hong
Oh Ah Heng

# Mengapa NUTP/KPPK?




NUTP boleh membantu jika

- Dikenakan Tindakan Tatatertib
- Dibuang Kerja
- Diugut
- Diserang
- Tidak Menerima Gaji
- Dinafikan Hak Naik Pangkat
- Tidak Dilantik
- Tidak Disahkan Dalam Jawatan
- Dinafikan Kenaikan Gaji
- Masalah Perkhidmatan
- Dianiaya Oleh Pihak Atasan

**JENIS-JENIS INSURANS YANG TERDAPAT DI NUTP**

- MUI SKIM DIAMOND ACIDENT PROTECTOR
- LIVIN' PAY , DANA RESTU
- NUTP HEALTH CARE
- SKIM SIMPANAN DAN KESIHATAN DELIMA BARAKAH (Takaful Guru)
- SKIM SIMPANAN MUTIARA PLUS - NILAM BARAKAH (Takaful Warga Pendidik)
- SKIM PERLINDUNGAN BARANGAN ISI RUMAH (TOKIO MARINE)

## NUTP PELINDUNG KAUM GURU DULU, KINI DAN SELAMA-LAMANYA

# SURAT TONY INSURANS

Great Eastern
Life is great!

**TONY NG & ASSOCIATES**
39, Lebuh Bishop, 10200 Pulau Pinang.
Tel: 04-262 8098 (4 Hunting Lines) Fax: 04-263 1321
E-mail: tonyge@tm.net.my

6/11/2008

Pn. Lok Yim Pheng, PJK
Setiausaha Agung
KPPK Semenanjung Malaysia
13-15 Jln Murai Dua
Kompleks Batu, Off Jln Ipoh
51100 Kuala Lumpur

Kepada : Semua Setiausaha Cawangan, KPPK SM
Tarikh : 10/11/2008
Tandatangan :
Lok Yim Pheng
Setiausaha Agung, KPPK SM

Dear Pn. Lok,

Re: GS2072 Livin' Pay (GM033 with 36 Critical Illness) and other NUTP Schemes

Please be informed that the above scheme, Livin' Pay is NOT closed. It is still open for participation by any member, spouse or children BELOW the age of 30 years. The benefits for existing as well as new participants remain the same.

We would also like to reconfirm that ALL schemes under NUTP are open and are well participated.

| | MAXIMUM AGE ALLOWED TO ENTER | MATURITY/ RETIREMENT AGE | PROPOSAL FORM |
|---|---|---|---|
| LIVIN' PAY | 30 | 65 | ONE FORM PER PERSON |
| DANA KESIHATAN (AKAM) | 55 | 65 | ONE FORM PER PERSON |
| HEALTH CARE CARD | 60 | 70 | ONE FORM WHOLE FAMILY |
| MULTI-DIAMOND ACC PROTECTOR | 55 | 70 | ONE FORM WHOLE FAMILY |
| TAKAFUL (KIRI (KERJA) | 55 | 60 | ONE FORM WHOLE FAMILY |

Should you have any query please feel free to contact my office or the under-signed (019-4718888) anytime at your convenience.

Thank you.

Yours faithfully,

Tony Ng.

## APA KENA BUAT BILA TUKAR SEKOLAH

(Sila Isi dan hantar borang berikut ke KPPK Kedah)

### BORANG PERTUKARAN SEKOLAH

Adalah menjadi kewajipan ahli-ahli mengikut peraturan 7(2) KPPK memaklumkan kepada Setiausaha Cawangan dengan segera apabila bertukar tempat bekerja.
Sila bekalkan maklumat berikut.

Nama: ____________________

No. Ahli: __________ No. K/P: __________

Sekolah Lama: ____________________

____________________

Sekolah Baru: ____________________

____________________

Tanda tangan: ____________________

## TAHUKAH ANDA !

Potongan Biro Angkasa BPA ambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan untuk memproses potongan gaji (bagi yuran ahli, insurans dan sebagainya)

Permohonan Insurans mesti disertakan

1. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan
2. Salinan slip gaji yang terkini yang telah disahkan
3. Salinan sijil beranak yang disahkan jika berkenaan.

Pengesahan mesti dibuat oleh Guru Besar / Pengetua.

## TANGGUNGJAWAB ANDA

Pastikan premium insurans dibayar adalah tanggungjawab ahli supaya tiada kes lapse berlaku. Terutamanya ahli yang bertukar dari suatu negeri ke negeri yang lain. Premium yang dibayar secara cek perlu dijelaskan di Pejabat KPPK sebelum 15 Disember setiap tahun.

## PENYATA TAHUNAN LAPC

Boleh didownload melalui www.lifeisgreat.com.my dan tidak akan hantar kepada ahli lagi.


**PROMOSI KHAS UNTUK AHLI KPPK SAHAJA SEPASANG KOT (TERMASUK SELUAR) HANYA RM 280 SAHAJA**

Tempoh Promosi :
1 Jan 2009 - 30 April 2009
Material untuk Kot : Hight Twist



**EAM HENG TAILOR**

No. 14, Lorong 17, Taman Patani Jaya,
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel: 04-421 2800, 04-425 2827
Fax : 04-422 5511

## Tahniah Kepada Pemimpin-Pemimpin NUTP KEDAH Di Atas Perlantikan /Pemilihan Baru-baru ini.



**Sdr. Othman Bin Hamid,** BKM
- Naib Presiden (BM), KPPK SM
- Pengerusi CUEPACS Bahagian Kedah.



**Sdr. Wang Heng Suan,** BKM
- Penolong Setiausaha Agung (Keahlian) KPPK Semenanjung Malaysia
- Setiausaha CUEPACS Bahagian Kedah
- Ahli Kongres CUEPACS



**Sdr. Mohd Fadzil Bin Md. Isa**
- Setiausaha MTUC, Bhg. Kedah
- Naib Pengerusi KPPK Caw. Kedah



**Sdri. Pang Bee Hong**
- Penolong Setiausaha Agung (Wanita) KPPK Semenanjung Malaysia

# AKTIVITI-AKTIVITI KPPK KEDAH




Penyampaian Cek kepada Sdr. Othman B Hamid yang mendapat tuntutan penuh Skim Insurans Livin Pay pada 15.7.2008



Bersama Tan Sri Ismail Adam, KPPA Malaysia, Tan Sri Mohd Sidek B Hj Hassan, KSN Malaysia pada 10.5.2008 di Putrajaya



Taklimat isu-isu semasa KPPK di SMK Taman Kenari, Kulim pada 8.11.2008



Seminar Bina Ummah anjuran YDIM & CUEPACS diadakan pada 13-15 Nov 2008 di Kota Kinabalu.

# AKTIVITI-AKTIVITI KPPK



Bersama KPPM,
Dato Hj. Alimuddin b Hj Mohd Dom



Masa untuk berbincang hala tuju KPPK



Para Perwakilan Sibuk Membaca Buku Laporan Tritahunan



Bersama Presiden KPPK



Para perwakilan KPPK sibuk berbangkit isu-isu pendidikan Kedah semasa Persidangan Perwakilan di Pulau Pinang pada 24.8.2008



Forum Hari Guru Sedunia diadakan di Perlis pada 31.10.2008



Jasamu tidak dilupakan kepada Bekas Pemimpin KPPK Kedah pada Hari Guru Sedunia 31.10.2008 di Perlis

# JASAMU DIKENANG



## Mendiang Manimaran a/l Munisamy, PJK

### Bekas Naib Pengerusi KPPK Kedah

Mulai berkhidmat dengan KPPK pada tahun 1993 dan telah meninggalkan kita pada 12.9.2008

Nostalgia Bersama KPPK





Berjumpa guru di Pulau Tuba pada 24.3.2006



Bersama SUA dan bekas Presiden KPPK



Kenangan di Persidangan Perwakilan



Bersama pemimpin-pemimpin lama KPPK Kedah



Penyampaian Insentif Pelajaran di SMJK Chio Min pada 9.5.2008



Mesyuarat Agung Tritahunan pada 24.5.2008



Bersama pemimpin-pemimpin baru KPPK Kedah